

BAB 4

DAPATAN DAN ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Kaedah yang digunakan dalam sesuatu bidang penyelidikan adalah penting diketahui bagi tujuan mendapatkan kajian yang terarah dan sempurna. Bailey (1984: 47), mentakrifkan kaedah sebagai ‘falsafah proses penyelidikan’ dengan andaian dan nilai yang menjadi dasar alasan kajian dan ukuran yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan.

Dalam bab ini, kita dapat data dianalisis berdasarkan beberapa kaedah yang membolehkan jawapan kepada soalan kajian dihasilkan. Kaedah penganalisisan data ini terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Skop Analisis
- ii. Pendekatan Analisis

4.2 Skop Analisis

Pengkaji akan membuat analisis tentang keprihatinan pelajar terhadap pelaksanaan *MSC* dalam konteks peranan yang dimainkan oleh media elektronik atau media lain yang mungkin berkait dengannya dan melihat penglibatan pelajar dalam pelaksanaannya. Skop kajian meliputi responden seramai 1200 pelajar lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa Melayu, Cina, India dan bangsa lain. Kategori tahap pengajian mereka ialah dari tahap awal, pertengahan dan akhir iaitu Tahun Satu, Dua, Tiga dan seterusnya. Bidang pengajian mereka juga pelbagai berdasarkan jumlah fakulti yang ada di setiap universiti.

Kesemua pelajar ini difokuskan kepada 10 IPTA yang terletak di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Tumpuan kawasan kajian ialah Kawasan

Tengah: Kuala Lumpur dan Selangor, Kawasan Utara: Kedah dan Pulau Pinang, Kawasan Selatan: Johor dan Malaysia Timur: Sabah dan Sarawak. Kawasan Kuala Lumpur iaitu di UM, jumlah responden ialah 200 pelajar, kawasan Selangor meliputi UKM dengan jumlah responden seramai 125 pelajar, UPM 125 pelajar, UIAM 125 pelajar dan UiTM 125 pelajar. Jumlah responden di USM, Pulau Pinang ialah 100 pelajar, Kedah di UUM 100 pelajar, Johor di UTM 100 pelajar, UMS 100 pelajar dan UNIMAS 100 pelajar. Kesemua kawasan IPTA ini diambil kira dalam kajian bertujuan untuk mendapatkan hasil yang kukuh dan positif daripada aspek keprihatinan pelajar secara menyeluruh.

4.3 Pendekatan Analisis

Pendekatan yang diterapkan untuk menganalisis bahan ini adalah berdasarkan kaedah analisis borang jawapan soal selidik yang diedarkan kepada responden, (Rujuk Lampiran B: Borang Soal Selidik). Setelah mendapat kebenaran Penyelia, Prof. Madya Dr.Azizah Hj. Hamzah dari Jabatan Pengajian Media, Merangkap Timbalan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, soal selidik diedarkan pada 27 November 2004 sehingga 21 Februari 2005, (Rujuk Lampiran C: Surat Kebenaran Membuat Kajian).

Kebenaran untuk mengedarkan borang soal selidik juga dimaklumkan kepada Ketua Jabatan, Ketua atau Penolong Pendaftar, mana-mana pensyarah yang berkaitan atau kakitangan pentadbiran setiap universiti yang dikaji. Pengedaran borang soal selidik kepada 1200 responden mengambil masa selama 60 hari tidak termasuk hari kelepasan am. Kesemua soal selidik yang lengkap dijawab akan dikumpul oleh penyelidik sendiri. Namun, kerja mengumpul borang ini turut dibantu oleh beberapa orang kenalan yang berada di tempat kajian.

Soal selidik yang telah dikumpulkan disemak untuk memastikan semua soalan dijawab mengikut arahan yang betul dan memberikan maklumat yang lengkap. Soal selidik yang memberikan jawapan yang tidak lengkap tidak boleh diambil kira dalam

analisis data ini. Oleh yang demikian, pengkaji seharusnya memberikan petunjuk dan penekanan kepada responden tentang cara bagaimana menjawab soalan soal selidik. Setelah memastikan semua soalan lengkap, data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for Social Sciences)* bagi tujuan mendapatkan frekuensi, min dan peratus sebagai data pengukuran dalamuraian analisis.

Melalui perisian *SPSS*, data diterjemahkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Skor bagi setiap soalan dijumlahkan dan satu skor min yang telah diperoleh akan menentukan pilihan responden terhadap satu-satu soalan. Hasil analisis data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan juga penerangan.

4.4 Pengumpulan Data


Bahagian ini memberikan tumpuan kepada pembentukan danuraian data yang diperoleh untuk dianalisis. Bahagian A akan membincangkan latar belakang responden yang berkait dengan tahap pengajian, bidang pengajian atau fakulti, gender, etnik dan umur. Manakala Bahagian B membicarakan pengetahuan responden tentang *MSC* dan pengurusan serta pentadbirannya. Soalan ini akan diolah untuk melihat sejauh mana responden prihatin terhadap pembentukan *MSC* dan pelaksanaan aplikasinya. Bahagian C membincangkan implementasi kerajaan yang berkait dengan polisi, inisiatif dan usaha mereka selaku perantara yang berperanan sebagai media yang menyalurkan maklumat kepada responden. Soalan yang dijawab akan diolah untuk melihat sejauh mana peranan yang dimainkan oleh media berkesan menyampaikan maklumat atau mesej kepada responden. Bahagian D membincangkan tahap maklumat umum yang diketahui oleh responden bertujuan untuk melihat penglibatan mereka dalam pelaksanaan projek *MSC*.

Jadual 4.1 dan Rajah 4.1 di bawah menunjukkan pengkaji telah membuat kajian di 10 IPTA seperti yang dinyatakan di bilangan 4.2 di atas. Jadual memperlihatkan peratus jumlah pelajar atau responden yang tertinggi ialah di UM iaitu sebanyak 16.7% atau 200 pelajar. Jumlah ini tinggi berbanding dengan universiti yang lain kerana perkiraan adalah berdasarkan jumlah bilangan pelajar yang menduduki universiti tersebut. Manakala empat buah universiti lain UKM, UPM, UIAM dan UiTM mencatatkan jumlah peratus responden sebanyak 10.4% atau 125 pelajar dan 8.3% atau 100 pelajar di USM, UUM, UTM, UMS dan UNIMAS.

Jadual 4.1: Peratus Bilangan Pelajar Mengikut Universiti.

Bilangan Universiti	Bilangan Responden	Peratus (%)
1. UM	200	16.7
2. UKM	125	10.4
3. UPM	125	10.4
4. UIAM	125	10.4
5. UiTM	125	10.4
6. USM	100	8.3
7. UUM	100	8.3
8. UTM	100	8.3
9. UMS	100	8.3
10. UNIMAS	100	8.3
JUMLAH	1200	100.0

Rajah 4.1: Bilangan Pelajar Mengikut Universiti.



4.4.1 Latar Belakang Responden

Bahagian ini akan membincangkan pemboleh ubah yang berkait dengan latar belakang responden iaitu tahap pengajian, bidang pengajian, gender, etnik dan umur. Kesemua maklumat ini akan dapat membantu pengkaji membuat penilaian tentang tahap kematangan, penerimaan dan keprihatinan responden terhadap persoalan yang dikaji.

i. Tahap Pengajian


Berdasarkan Jadual 4.2 atau Rajah 4.2 di bawah, tahap pengajian responden dibahagikan kepada empat tahap iaitu tahap awal dikenal pasti sebagai pelajar Tahun Satu, tahap pertengahan ialah Tahun Dua, tahap akhir ialah Tahun Tiga dan lain-lain akan merujuk kepada Tahun Empat atau Tahun Lima contohnya, pelajar bidang Perubatan, Sains Kesihatan dan Pergigian. Hampir 34.3 % atau 411 pelajar daripada responden merupakan pelajar tahun pertengahan, 31.1% atau 373 pelajar tahun awal, 26.3% atau 315 pelajar tahun akhir dan 8.3% atau 101 pelajar tahun lain.

ii. Bidang Pengajian atau Fakulti

Jadual 4.2: Peratus Responden Mengikut Tahap Pengajian.

Peringkat Pengajian	Bilangan Responden	Peratus (%)
Tahap Awal	373	31.1
Tahap Pertengahan	411	34.3
Tahap Akhir	315	26.3
Lain-lain	101	8.3
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.2: Peratus Responden Mengikut Tahap Pengajian.




Pembentukan data juga mengambil kira bidang pengajian responden sebagai latar belakang yang harus dinilai bagi mendapatkan tahap keprihatinan mereka terhadap persoalan yang difokuskan. Jadual di bawah menunjukkan taburan bidang pengajian responden untuk kesemua universiti yang dikaji. Bidang pengajian responden adalah pelbagai seperti bidang Sains, Perubatan, Undang-Undang, Ekonomi, Sastera dan Sains Sosial, Pendidikan dan sebagainya.

Jadual 4.3 atau Rajah 4.3 di bawah menunjukkan taburan bidang pengajian responden di UM. Terdapat lebih kurang 16 bidang pengajian yang difokuskan. Bidang Kejuruteraan memperlihatkan jumlah peratus responden yang paling tinggi iaitu 9% atau 18 pelajar manakala yang lain mencatatkan jumlah yang hampir sama iaitu 7% atau 14 pelajar untuk bidang Sastera dan Sains Sosial, Ekonomi dan Pentadbiran, Undang-Undang dan Pendidikan. Peratusan bidang yang lain ialah 6.5% untuk 13 pelajar, 6% untuk 12 pelajar, 5.5% untuk 11 pelajar, 4.5% untuk sembilan pelajar dan 4% untuk lapan pelajar yang lain.

Jadual 4.3: Peratus Responden UM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (16)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Akademi Pengajian Melayu	11	5.5
Akademi Pengajian Islam	11	5.5
Alam Bina	13	6.5
Bahasa dan Linguistik	12	6.0
Ekonomi dan Pentadbiran	14	7.0
Kebudayaan	9	4.5
Kejuruteraan	18	9.0
Pendidikan	14	7.0
Pergigian	13	6.5
Perniagaan dan Perakaunan	11	5.5
Perubatan	8	4.0
Sukan	12	6.0
Sains	13	6.5
Sains Kom. dan Tek. Maklumat	13	6.5
Sastera dan Sains Sosial	14	7.0
Undang-Undang	14	7.0
Jumlah	200	100.0

Rajah 4.3: Peratus Responden UM Mengikut Bidang Pengajian.




Di UKM, peratus responden mengikut bidang pengajian ditunjukkan seperti Jadual 4.4 atau Rajah 4.4 di bawah. Keseluruhan jumlah bidang pengajian yang dikaji ialah 11. Lima bidang pengajian mempunyai peratus responden yang paling tinggi iaitu 10.4% atau 13 pelajar bidang Ekonomi dan Perniagaan, Kejuruteraan, Pendidikan, Sains Kesihatan Bersekutu dan Sains Sosial dan Kemanusiaan. Manakala bidang yang lain mencatatkan jumlah peratusan 8.8% atau 11 pelajar, 8% atau sepuluh pelajar dan 7.2% atau sembilan pelajar.

Jadual 4.4: Peratus Responden UKM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (11)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Ekonomi dan Perniagaan	13	10.4
Pengajian Islam	11	8.8
Kejuruteraan	13	10.4
Pendidikan	13	10.4
Pergigian	9	7.2
Perubatan	11	8.8
Sains Kesihatan Bersekutu	13	10.4
Sains Sosial dan Kemanusiaan	13	10.4
Sains Teknologi	9	7.2
Teknologi dan Sains Maklumat	10	8.0
Undang-Undang	10	8.0
Jumlah	125	100.0

Rajah 4.4: Peratus Responden UKM Mengikut Bidang Pengajian.




Jadual 4.5 atau Rajah 4.5 di bawah menunjukkan peratus responden di UPM berdasarkan 15 bidang pengajian yang dikaji. Keseluruhannya mencatatkan peratusan yang pelbagai mengikut jumlah yang diperoleh dari setiap bidang pengajian. Jumlah peratus yang paling tinggi ialah 14.4% atau 18 pelajar dari bidang Ekonomi dan Pengurusan. Manakala bidang Sains mencatatkan 12.8% atau 16 pelajar. Peratusan bidang yang berikut tinggi ialah 9.6% atau 12 pelajar dari bidang Pertanian diikuti 8% atau 10 pelajar dari bidang Kejuruteraan dan 7.2% atau sembilan pelajar dari bidang Pendidikan, Perubatan dan Sains Kesihatan serta Perhutanan. Bidang yang lain mencatatkan peratus yang agak rendah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 4.5 : Peratus Responden UPM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (15)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Bahasa Moden dan Komunikasi	7	5.6
Bioteknologi dan Sains Biomolekul	8	6.4
Ekologi Manusia	4	3.2
Ekonomi dan Pengurusan	18	14.4
Kejuruteraan	10	8.0
Pengajian Pendidikan	9	7.2
Perhutanan	9	7.2
Pertanian	12	9.6
Perubatan dan Sains Kesihatan	9	7.2
Perubatan Veterinar	4	3.2
Reka Bentuk dan Seni Bina	2	1.6
Sains	16	12.8
Alam Sekitar	6	4.8
Sains dan Teknologi Makanan	4	3.2
Sains Komputer dan Tek. Maklumat	7	5.6
Jumlah	125	100.0

Rajah 4.5 : Peratus Responden UPM Mengikut Bidang Pengajian.




Jumlah keseluruhan bidang pengajian di UIAM yang difokuskan dalam kajian ini ialah sembilan. Hanya satu bidang yang menunjukkan peratus yang tertinggi iaitu sebanyak 15.2% atau 19 pelajar dari bidang Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar. Bidang lain mencatatkan 12.8% atau 16 pelajar dari bidang Undang-Undang dan Ilmu Pengetahuan Wahyu dan Sains Kemanusiaan. 11.2% atau 14 pelajar dari bidang Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Sains Kemanusiaan dan 10.4% atau 13 pelajar dari bidang Sains seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.6 atau Rajah 4.6.

Jadual 4.6: Peratus Responden UIAM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (9)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Undang-Undang	16	12.8
Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar	19	15.2
Ekonomi dan Sains Pengurusan	10	8.0
Kejuruteraan	14	11.2
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	14	11.2
Ilmu Pengetahuan Wahyu dan Sains Kemanusiaan	16	12.8
Sains Kemanusiaan	14	11.2
Sains	13	10.4
Bahasa dan Pendidikan	9	7.2
Jumlah	125	100.0

Rajah 4.6: Peratus Responden UIAM Mengikut Bidang Pengajian




Jadual 4.7 atau Rajah 4.7 di bawah menunjukkan taburan peratus responden c
UiTM mengikut tujuh bidang pengajian yang dikaji. Jadual mencatatkan jumlah peratu
tertinggi ialah 15.2% atau 19 pelajar dari tiga bidang pengajian iaitu bidang
Kejuruteraan, Sains dan Seni Bina, Perancangan dan Ukur. Manakala yang lair
mencatatkan 13.6% atau 17 pelajar dari bidang pengajian Teknologi Maklumat dan
Sains Kuantitatif, Ekonomi dan Pengurusan, Seni Lukis dan Seni Reka serta Sains
Sukan.

Jadual 4.7: Peratus Responden UiTM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (7)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif	17	13.6
Ekonomi dan Pengurusan	17	13.6
Sains Sukan	17	13.6
Sains	19	15.2
Kejuruteraan	19	15.2
Seni Bina, Perancangan dan Ukur	19	15.2
Seni Lukis dan Seni Reka	17	13.6
Jumlah	125	100.0

Rajah 4.7: Peratus Responden UiTM Mengikut Bidang Pengajian.




Kesemua bidang pengajian di atas adalah kajian di Kawasan Tengah iaitu kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Kajian di Kawasan Utara melibatkan dua buah universiti iaitu USM dan UUM. Kedua-dua buah universiti ini menggunakan 100 pelajar sebagai responden daripada pelbagai bidang pengajian yang ada. Jadual 4.8 atau

Rajah 4.8 di bawah menunjukkan taburan peratus responden di USM mengikut 13 bidang pengajian yang ada. Jumlah peratus tertinggi ialah 17.0 % atau 17 pelajar dari bidang pengajian Ilmu Kemanusiaan, 14.0% atau 14 pelajar bidang Ilmu Pendidikan dan 12.0% atau 12 pelajar lagi dari bidang Sains Kajihayat. Manakala yang lain mempunyai peratus yang sederhana tinggi seperti jadual di bawah.

Jadual 4.8: Peratus Responden USM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (13)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Pengajian Ilmu Kemanusiaan	17	17.0
Pengajian Ilmu Pendidikan	14	14.0
Pengajian Sains Kajihayat	12	12.0
Pengajian Pengurusan	9	9.0
Pengajian Sains Kemasyarakatan	8	8.0
Pengajian Sains Komputer	6	6.0
Pengajian Sains Farmasi	6	6.0
Pengajian Komunikasi	5	5.0
Pengajian Sains Matematik	5	5.0
Pengajian Seni	5	5.0
Pengajian Sains Kimia	5	5.0
Pengajian Teknologi Industri	5	5.0
Pengajian Fizik	3	3.0
Jumlah	100	100.0

Rajah 4.8: Peratus Responden USM Mengikut Bidang Pengajian.




Jadual 4.9 atau Rajah 4.9 di bawah memperlihatkan jumlah taburan peratus responden di UUM mengikut 13 bidang pengajian. Jumlah peratus paling tinggi mencatatkan 36.0% atau 36 pelajar dari bidang Komunikasi dan Bahasa Moden, 14% atau 14 pelajar dari bidang Ekonomi Pengurusan dan Perniagaan dan 9% atau sembilan pelajar dari bidang Teknologi Maklumat. Manakala yang lain menunjukkan peratus yang agak rendah seperti ditunjukkan dalam jadual.

Jadual 4.9: Peratus Responden UUM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (13)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Komunikasi dan Bahasa Moden	36	36.0
Ekonomi Pengurusan dan Perniagaan	14	14.0
Teknologi Maklumat	9	9.0
Pengurusan Awam dan Undang-Undang	7	7.0
Sains Kuantitatif	7	7.0
Pembangunan Sosial dan Manusia	4	4.0
Pengurusan Teknologi	4	4.0
Pengurusan Perniagaan	3	3.0
Pengajian Antarabangsa	5	5.0
Pelancongan	2	2.0
Kewangan dan Perbankan	2	2.0
Sains Kognitif dan Pendidikan	2	2.0
Undang-Undang	5	5.0
Jumlah	100	100.0

Rajah 4.9: Peratus Responden UUM Mengikut Bidang Pengajian.




Merujuk Jadual 4.10 atau Rajah 4.10, latar belakang responden yang dikaji di UTM adalah berdasarkan lapan bidang pengajian yang ditawarkan di universiti tersebut. Responden dalam bidang pengajian sains menunjukkan peratus tertinggi

sebanyak 31.0% atau 31 responden dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, 18.0% atau 18 responden dalam bidang Sains Informasi dan 15.0% atau 15 responden bidang Kejuruteraan Sivil. Responden lain mencatatkan 10.0% atau 10 responden dalam bidang Pendidikan dan 9.0% atau sembilan lagi ialah responden bidang Alam Bina seperti ditunjukkan dalam jadual.

Jadual 4.10: Peratus Responden UTM Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (8)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Kejuruteraan Elektrik	31	31.0
Sains Informasi	18	18.0
Kejuruteraan Sivil	15	15.0
Pendidikan	10	10.0
Alam Bina	9	9.0
Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli	8	8.0
Komputer Sains	5	5.0
Peng. dan Pembangunan Sumber Manusia	4	4.0
Jumlah	100	100.0

Rajah 4.10: Peratus Responden UTM Mengikut Bidang Pengajian.




Manakala di UMS pula, kajian telah dibuat ke atas 11 bidang pengajian sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 4.11 atau Rajah 4.11. Data memperlihatkan bahawa peratus responden yang tertinggi ialah 19.0% atau 19 pelajar dari bidang pengajian Sains Sosial, 11% atau 11 pelajar dari bidang Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, 10% atau 10 pelajar dari bidang Perniagaan dan Ekonomi serta Sains Maklumat dan Pemakanan. Lima bidang lagi mencatatkan 9.0% atau sembilan pelajar dari bidang Sains dan Teknologi, Pengajian Seni, Psikologi, Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa serta Biologi Tropika dan Pemuliharaan. Peratus responden lain adalah seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.11: Peratus Reponden UMS Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (11)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Sains Sosial	19	19.0
Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat	11	11.0
Perniagaan dan Ekonomi	10	10.0
Sains Maklumat dan Pemakanan	10	10.0
Sains dan Teknologi	9	9.0
Pengajian Seni	9	9.0
Psikologi	9	9.0
Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa	9	9.0
Biologi Tropika dan Pemuliharaan	9	9.0
Pendidikan dan Pembangunan Sosial	4	4.0
Penataran Ilmu Bahasa	1	1.0
Jumlah	100	100.0

Rajah 4.11: Peratus Reponden UMS Mengikut Bidang Pengajian.




Akhir sekali, Jadual 4.12 atau Rajah 4.12 menunjukkan taburan peratus responden mengikut sepuluh bidang pengajian di universiti tersebut. Berdasarkan jadual di bawah, didapati bahawa lima bidang pengajian telah mencatatkan jumlah peratus yang tertinggi iaitu 13% atau 13 pelajar dari bidang Ekonomi dan Perniagaan, Kejuruteraan, Sains Gunaan dan Kreatif, Komputer Sains dan Teknologi Maklumat, dan Sains Sosial. Manakala bidang lain mencatatkan sebanyak 12% atau 12 pelajar dari bidang Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan yang lain seperti dipaparkan dalam jadual yang berikut.

Jadual 4.12: Peratus Responden UNIMAS Mengikut Bidang Pengajian.

Bidang Pengajian (10)	Jumlah Responden	Peratus (%)
Ekonomi dan Perniagaan	13	13.0
Kejuruteraan	13	13.0
Seni Gunaan dan Kreatif	13	13.0
Komputer Sains dan Teknologi Maklumat	13	13.0
Sains Sosial	13	13.0
Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	12	12.0
Sains dan Teknologi Sumber	11	11.0
Perubatan dan Sains Kesihatan	10	10.0
Pengajaran Bahasa Inggeris	1	1.0
Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti	1	1.0
Jumlah	100	100.0

Rajah 4.12: Peratus Responden UNIMAS Mengikut Bidang Pengajian.



iii. Gender


Latar belakang responden turut dilihat dari aspek gender bertujuan untuk memastikan responden lelaki dan perempuan memberikan analisis yang seimbang dan tidak berat sebelah. Aspek pemberatan sifat kedua-dua responden tidak ditekankan contohnya, kajian tidak akan melihat responden manakah yang mempunyai sifat keprihatinan yang lebih di antara kedua-dua gender. Penekanan hanya diberikan kepada jumlah penglibatan yang seimbang di antara mereka supaya hasil akan diperoleh daripada satu kelompok yang difokuskan iaitu pelajar secara keseluruhan.

Jadual 4.13 dan Rajah 4.13 di bawah menunjukkan jumlah responden perempuan telah mencatatkan peratus tertinggi dalam menjawab soal selidik iaitu sebanyak 55.3% atau 663 pelajar manakala 44.7% atau 537 ialah pelajar lelaki. Perbezaan di antara kedua-duanya ialah sebanyak 10.4%. Ini menunjukkan bahawa kuota kemasukan pelajar perempuan ke semua universiti adalah melebihi kuota pelajar lelaki. Oleh itu, kajian juga terpaksa melebihkan jumlah pelajar perempuan di setiap universiti yang difokuskan seperti jadual berikut yang ditunjukkan.

Jadual 4.13: Peratus Responden Mengikut Gender.

Gender	Jumlah Responden	Peratus (%)
Lelaki	537	44.7
Perempuan	663	55.3
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.13: Peratus Responden Mengikut Gender.




iv. *Etnik*

Jadual 4.14 dan Rajah 4.14 di bawah menunjukkan peratus jumlah etnik yang dikaji Melayu, Cina, India dan bangsa lain iaitu merujuk kepada pelbagai kaum yang ada di Malaysia Timur Sabah dan Sarawak. Daripada jadual ini dapat dilihat bahawa bangsa Melayu mempunyai peratus jumlah responden yang tertinggi iaitu 55.3% atau 663 pelajar, jumlah responden Cina mencatatkan 29.9% atau 359 pelajar, 5.3% atau 63 pelajar daripada golongan responden India dan bangsa lain menunjukkan 9.5% atau 115 pelajar seperti jadual di bawah.

Jadual 4.14: Peratus Responden Mengikut Etnik.

Etnik	Jumlah Responden	Peratus (%)
Melayu	663	55.3
Cina	359	29.9
India	63	5.3
Lain-lain (Sabah & Sarawak)	115	9.5
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.14: Peratus Responden Mengikut Etnik.



v. *Umur*


Jadual 4.15 atau Rajah 4.15 yang berikut memperlihatkan peratus jumlah umur responden secara keseluruhan. Kita dapati bahawa tahap pengajian responden ialah dari Tahun Satu sehingga tahun akhir iaitu Tahun Tiga, Tahun Empat dan Tahun Lima. Umur

responden dalam lingkungan ini diambil kira daripada umur 17 tahun sehingga 45 tahun. Jumlah peratus umur responden yang tertinggi ialah 27.8% atau 333 pelajar pada tahap umur 20 tahun, 23.5% atau 282 pelajar pada tahap umur 21 tahun, 18.5% atau 222 pelajar pada tahap umur 22 tahun, 11.5% atau 138 pelajar pada tahap umur 23 tahun dan 7.7% atau 93 pelajar pada tahap umur 19 tahun. Manakala peratus umur responden yang lain ditunjukkan seperti jadual di bawah.

Jadual 4.15: Peratus Responden Mengikut Umur.

Umur	Jumlah Responden	Peratus (%)
17 Tahun	2	0.2
18 Tahun	18	1.5
19 Tahun	93	7.7
20 Tahun	333	27.8
21 Tahun	282	23.5
22 Tahun	222	18.5
23 Tahun	139	11.5
24 Tahun	50	4.2
25 Tahun	18	1.5
26 Tahun	5	0.4
27 Tahun	1	0.1
28 Tahun	1	0.1
29 Tahun	2	0.2
30 Tahun	4	0.3
31 Tahun	2	0.2
32 Tahun	2	0.2
35 Tahun	1	0.1
Lain-lain	25	2.0
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.15: Peratus Responden Mengikut Umur.



4.4.2 Pengetahuan Responden Tentang *MSC*

Bahagian ini akan mengumpul sebanyak 21 soalan tentang pengetahuan responden di bawah tajuk ‘*MSC* dan Anda’ dan ‘ Pengurusan dan Pentadbiran *MSC*’. Di bawah tajuk ‘*MSC* dan Anda’, maklumat yang berkait dengan *MSC* difokuskan seperti pengetahuan tentang logo, objektif penubuhan *MSC*, tahun penubuhan, identiti bentuk *MSC* dan sumber media yang menyalurkan maklumat *MSC* kepada responden. Manakala tajuk ‘Pengurusan dan Pentadbiran *MSC*’ membincangkan maklumat tentang organisasi pengurusan dan pentadbiran *MSC*, undang-undang dan polisi, fungsi, aplikasi multimedia dan perkembangan serta pembangunan media.

i. *MSC* dan Anda


Jadual 4.16 atau Rajah 4.16(a) menerangkan jawapan kepada soalan dalam borang soal selidik tentang Pengenalan Logo *MSC*. Data menunjukkan peratus responden yang

pernah melihat logo *MSC* mencatatkan 94.8% atau 1137 pelajar, manakala yang mengetahui nama logo *MSC* ialah sebanyak 92.4% atau 1109 pelajar, rujuk Rajah 4.16(b).


Jadual 4.16: Pengetahuan Tentang Logo *MSC*.

Pengetahuan Tentang <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Pernah melihat logo		
Ya	1137	94.8
Tidak	57	4.8
Tidak Menjawab	6	0.5
Jumlah	1200	100.0
b. Jika Ya, nama logo		
Koridor Raya Multimedia	1109	92.4
Tidak Pasti	91	7.8
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.16(a): Pengetahuan Tentang Logo *MSC*.



Rajah 4.16(b): Pengetahuan Tentang Nama Logo MSC.



Dalam Jadual 4.17, soalan soal selidik menjelaskan pengetahuan responden tentang objektif, tahun penubuhan dan identiti *MSC*. Jadual menunjukkan bahawa 83.2% atau 998 pelajar mengetahui tentang objektif *MSC* iaitu *mengubah Malaysia kepada k-ekonomi*. Manakala sebanyak 26.9% atau 323 pelajar lagi mengetahui tentang tahun penubuhannya pada tahun 1996 dan 66.5% atau 798 pelajar yang mengetahui tentang identitinya sebagai *Projek Nasional*.

Jadual 4.17: Pengetahuan Tentang Identiti *MSC*.


Pengetahuan Tentang <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Objektif <i>MSC</i> Mengubah Malaysia kepada K-Ekonomi (Soalan 2)	998 / 1200	83.2
b. Tahun Penubuhan 1996 (Soalan 3)	323 / 1200	26.9
c. Apakah <i>MSC</i> Projek Nasional (Soalan 4)	798 / 1200	66.5

Jadual 4.18 atau Rajah 4.17 menerangkan soalan (1) daripada soalan peringkat kedua tentang sumber media yang menyalurkan maklumat pengenalan logo *MSC* kepada responden. Data mencatatkan sebanyak 39.0% atau 467 pelajar mengetahui tentang keterangan ini daripada saluran media yang lain, 37.8% atau 454 pelajar mendapat maklumat melalui media elektronik, 18.5% atau 222 pelajar mengetahui daripada media cetak dan 2.8% atau 34 pelajar hanya mengetahuinya melalui internet.

Jadual 4.18: Pengenalan Logo *MSC* Melalui Sumber Media.

Pengenalan Logo <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Di mana		
Media Elektronik	454	37.8
Media Cetak	222	18.5
Internet	34	2.8
Lisan	23	1.9
Lain-lain	467	39.0
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.17: Pengenalan Logo *MSC* Melalui Sumber Media.




Di samping mengetahui saluran maklumat tentang pengenalan logo *MSC*, responden juga diajukan dengan soalan apakah bentuk media yang menyalurkan maklumat tentang *MSC*? Daripada Jadual 4.19 atau Rajah 4.18 di bawah, keterangan menunjukkan bahawa 37.2% atau 446 pelajar mengetahui tentang *MSC* melalui media elektronik, 19.3% atau 232 pelajar mengetahui melalui media cetak, 5.3% atau 64 pelajar mengetahui melalui internet dan 4.2% atau 50 pelajar mengetahui melalui lisan. Manakala yang lain dinyatakan seperti jadual di bawah.

Jadual 4.19: Saluran Maklumat Tentang *MSC*.

Maklumat Tentang <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
b. Saluran Maklumat <i>MSC</i>		
Media Elektronik	446	37.2
Media Cetak	232	19.3
Internet	64	5.3
Lisan	50	4.2
Lain-lain	408	34.0
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.18 Saluran Maklumat Tentang *MSC*.



ii. Pengurusan dan Pentadbiran *MSC*

Di bawah tajuk ini, data dapat dilihat daripada aspek pengurusan dan pentadbiran *MSC* iaitu siapakah yang menguruskan *MSC*? Soalan (6), (7), (10), (16) dan (17) dalam borang soal selidik menunjukkan bahawa sejumlah 35.2% atau 422 pelajar (Jadual 4.20) mengetahui siapa yang menguruskan dan mentadbirkan *MSC* manakala 29.2% atau 350 pelajar pula yang menjawab betul untuk soalan *kawasan yang tiada dalam persekitaran MSC*. Hampir 73.8% atau 886 pelajar menjawab betul untuk soalan (10) yang bertanya tentang *agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap aplikasi MyKad* iaitu salah satu daripada tujuh aplikasi yang difokuskan dalam kajian. Menjawab soalan (16), 65.1% atau 781 pelajar menyatakan Cyberjaya dan Kuala Lumpur City Centre (*KLCC*) ialah bandar siber dan *Subang Jaya itu bukan bandar*

...ver dan sejumlah 64.2% atau 770 pelajar yang lain menyatakan *Universiti Multimedia berada di Cyberjaya* seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut di bawah.

Jadual 4.20: Pengurusan dan Pentadbiran *MSC*.

Pengurusan dan Pentadbiran <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Pengurusan <i>MSC</i> Perbadanan Pembangunan Multimedia (<i>MDC</i>) (Soalan 6)	422 / 1200	35.2
b. Tiada dalam kawasan <i>MSC</i> Litar F1 Sepang (Soalan 7)	350 / 1200	29.2
c. Agensi Kerajaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (Soalan 10)	886 / 1200	73.8
d. Bukan Bandar Siber Subang Jaya (Soalan 16)	781 / 1200	65.1
e. Universiti di Cyberjaya Universiti Multimedia (Soalan 17)	770 / 1200	64.2

Soalan (8) dan (18) dalam soal selidik memperlihatkan dasar kerajaan dalam menggubal undang-undang penggunaan teknologi yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan industri Teknologi Maklumat dan Multimedia tempatan. Dapatan kajian mendapati sebanyak 30.5% atau 366 pelajar mengetahui tentang undang-undang yang digubal oleh kerajaan sebagai landasan penguatkuasaan dalam mengendalikan teknologi ini. Begitu juga dengan pengetahuan tentang laman web *MSC*, sejumlah 45.7% atau 548 pelajar mengetahui dan menggunakan laman ini seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 4.21.

Jadual 4.21: Undang-Undang dan Polisi.

Undang-Undang dan Polisi	Jumlah Responden	Peratus(%)
a. Undang-Undang Teknologi Maklumat Undang-Undang Siber (Soalan 8)	366 / 1200	30.5
b. Laman Web MSC www.msc.com.my (Soalan 18)	548 / 1200	45.7

Jadual 4.22 menjelaskan pungutan data tentang fungsi aplikasi MyKad soalan (9) dan aplikasi multimedia soalan (11-15). Hampir sebahagian daripada jumlah keseluruhan pelajar iaitu 58.0% atau 696 daripada mereka menyatakan *sijil perkahwinan itu bukan fungsi MyKad*. Walau bagaimanapun, untuk kualiti perkhidmatan kerajaan, sejumlah 63.8% atau 765 pelajar mengetahui bahawa e-kerajaan merupakan operasi dalaman dan juga perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Ia bertujuan untuk meningkatkan keselesaan dan pencapaian semasa berinteraksi dengan orang ramai dan syarikat perniagaan. Manakala 47.1% atau 565 pelajar lagi mengetahui aplikasi ‘on-line’ iaitu e-khidmat membantu masyarakat berinteraksi dan membuat transaksi dengan sektor kerajaan. Walaupun dalam peratus yang sederhana tinggi sebanyak 39.8% atau 477 pelajar turut mengetahui tentang aplikasi dalam kualiti perkhidmatan kesihatan iaitu telekesihatan. Begitu juga dengan aplikasi dalam sistem pendidikan, sejumlah 83.4% atau 1001 pelajar mengetahui bahawa MSC telah melancarkan Sekolah Bestari dan 57.6% atau 691 pelajar juga mengetahui bahawa aplikasi Sekolah Bestari ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan dan MDC. Data ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 4.22: Fungsi dan Aplikasi Multimedia.


Fungsi dan Aplikasi Multimedia	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Bukan Fungsi MyKad Sijil Perkahwinan (Soalan 9)	696 / 1200	58.0
b. Kualiti Perkhidmatan Kerajaan E-Kerajaan (Soalan 11)	765 / 1200	63.8
c. Aplikasi ‘on-line’ E-Khidmat (Soalan 12)	565 / 1200	47.1
d. Kualiti Perkhidmatan Kesihatan Telekesihatan (Soalan 13)	477 / 1200	39.8
e. Sistem Pendidikan Sekolah Bestari (Soalan 14)	1001 / 1200	83.4
f. Pembangunan Aplikasi Sekolah Bestari Kementerian Pendidikan dan MDC (Soalan 15)	691 / 1200	57.6

Dalam soalan (19-21) kita dapati data dikumpulkan bagi melihat perkembangan dan pembangunan media yang menyalurkan maklumat kepada responden. Jadual 4.23 atau Rajah 4.19 menyatakan soalan (19) iaitu status kedudukan *MSC* sebagai pusat *ICT* berdasarkan pandangan pelajar. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar meletakkan kedudukan *MSC* pada tahap yang tertinggi iaitu pada skala pertama. Peratus mereka ialah 23.9% atau 287 pelajar. Sejumlah 16.9% atau 203 pelajar lain meletakkan kedudukan ini pada tahap ketiga manakala 16.8% atau 202 pelajar meletakkannya pada tahap kedua. 13.8% atau 165 pelajar meletakkannya pada tahap keempat.

Jadual 4.23: Skala Kedudukan MSC.

Skala Kedudukan MSC	Jumlah Responden	Peratus(%)
1	287	23.9
2	202	16.8
3	203	16.9
4	165	13.8
5	154	12.8
6	63	5.3
7	52	4.3
8	43	3.6
9	19	1.6
10	12	1.0
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.19: Skala Kedudukan MSC.



Jadual berikut memperlihatkan soalan (20) dalam data yang melihat tanggapan responden terhadap pelaksanaan *MSC*. Daripada pelbagai kenyataan yang diberikan tentang *MSC*, sejumlah 28.4% atau 341 pelajar memilih kenyataan *meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi ICT*. Sejumlah 22.3% atau 267 pelajar pula menyatakan *ia adalah satu permulaan yang baik*. 18.6% atau 226 pelajar lagi memilih jawapan *lain-lain* manakala 14.1% atau 169 pelajar bersetuju *ia sedang bergerak sepenuhnya ke arah merealisasikan objektif*. Selebihnya memberikan jawapan seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 4.24 di bawah.

Jadual 4.24: Tanggapan Tentang *MSC*.

Tanggapan Tentang <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus(%)
a. Ia adalah permulaan yang baik.	267	22.3
b. Ia sedang bergerak sepenuhnya ke arah merealisasikan objektif.	169	14.1
c. Meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi <i>ICT</i> .	341	28.4
d. Meletakkan Malaysia dalam peta dunia <i>ICT</i> .	68	5.7
e. Laluan cemerlang masa depan dalam dunia siber	129	10.8
f. Lain-lain	226	18.6
Jumlah	1200	100.0


Akhir sekali, bahagian ini turut melihat perkembangan saluran media yang kerap digunakan untuk menyalurkan maklumat tentang *MDC*. Soalan (21) ini mungkin boleh dikaitkan dengan soalan (1) peringkat kedua dan soalan (5) yang kesemuanya menyatakan tentang bentuk media yang menyalurkan maklumat kepada responden. Berdasarkan Jadual 4.25 atau Rajah 4.20 di bawah, 31.7% atau 380 pelajar mengetahui maklumat tentang *MDC* melalui saluran televisyen, 17.8% atau 213 pelajar memperoleh maklumat ini daripada akhbar dan 16.3% atau 195 pelajar lagi

mengetahuinya melalui internet. Maklumat lain yang diperoleh mereka adalah dari sumber media lain seperti dalam jadual.

Jadual 4.25: Saluran Media Penyampai Maklumat MDC.

Maklumat Tentang MDC	Jumlah Responden	Peratus (%)
Saluran Maklumat MDC		
Televisyen	380	31.7
Akhbar	213	17.8
Internet	195	16.3
Majalah	116	9.7
Kawan	106	8.8
Radio	95	7.9
Pensyarah/Guru	95	7.9
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.20: Saluran Media Penyampai Maklumat MDC.



4.4.3 Implementasi Kerajaan


i. Inisiatif MSC

Dalam bahagian ini data dikumpul berdasarkan soalan yang berkait dengan pengetahuan, penglibatan dan pandangan responden terhadap implementasi kerajaan. Implementasi ini merupakan inisiatif kerajaan untuk mempromosikan penggunaan maklumat dan telematik dalam penggunaan awam. Sebanyak enam soalan telah dikemukakan dalam borang soal selidik dan untuk soalan ini majoriti responden mengetahui bahawa kerajaan ialah penggerak utama kepada inisiatif ini. Jumlah responden yang menjawab ‘Ya’ ialah 82.5% atau 990 pelajar seperti Jadual 4.26 atau Rajah 4.21, manakala inisiatif yang diusahakan ialah E-Kerajaan, Kad Pelbagai Guna, Sekolah Bestari, Telekesihatan, E-Dagang dan sebagainya.

Jadual 4.26: Promosi Kerajaan Terhadap Inisiatif *MSC*.


Promosi Kerajaan Terhadap Inisiatif <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
Ya	990	82.5
Tidak	210	17.5
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.21: Promosi Kerajaan Terhadap Inisiatif *MSC*.



Untuk inisiatif pertama, sejumlah 20.9% atau 248 pelajar menyatakan inisiatif tersebut ialah Kad Pelbagai Guna, 4.3% atau 52 pelajar menyatakan Media, 72.6% atau 872 pelajar memberi jawapan lain-lain dan 0.9% atau 11 pelajar menjawap e-kerajaan. Manakala yang lain menyatakan data seperti Rajah 4.22 di bawah.

Rajah 4.22: Inisiatif Pertama.



Inisiatif kedua pula menunjukkan jumlah peratus yang tertinggi ialah 79.0% atau 946 pelajar yang memilih inisiatif lain-lain, 12.3% atau 148 pelajar menyatakan Kad Pelbagai Guna, 4.8% atau 57 pelajar memilih Media, 1.1% atau 13 pelajar lagi menyatakan e-dagang dan yang lain seperti dinyatakan dalam rajah di bawah.

Jadual 4.27: Inisiatif Kedua.

Inisiatif Kedua	Jumlah Responden	Peratus (%)
E-Kerajaan	6	0.5
Kad Pelbagai Guna	148	12.3
Sekolah Bestari	9	0.8
Telekesihatan	7	0.6
Kelompok Penyelidikan	7	0.6
E-Dagang	13	1.1
Pembangunan Usahawan	6	0.5
Media	57	4.8
Lain-lain Tanpa Kenyataan	946	79.0
Jumlah	1200	100.0

Dalam inisiatif ketiga, data menunjukkan bahawa 86.2% atau 1034 pelajar memilih inisiatif lain sebagai usaha kerajaan mempromosikan penggunaan maklumat. 7.1% atau 85 pelajar bersetuju dengan penggunaan Kad Pelbagai Guna sebagai inisiatif kerajaan manakala sejumlah 2.8% atau 33 pelajar lain menyatakan Media. Responden lain mencatatkan pelbagai inisiatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.28.

Jadual 4.28: Inisiatif Ketiga.

Inisiatif Ketiga	Jumlah Responden	Peratus (%)
E-Kerajaan	6	0.5
Kad Pelbagai Guna	85	7.1
Sekolah Bestari	5	0.4
Telekesihatan	8	0.7
Kelompok Penyelidikan	5	0.4
E-Dagang	19	1.6
Pembangunan Usahawan	5	0.4
Media	33	2.8
Lain-lain Tanpa Kenyataan	1034	86.2
Jumlah	1200	100.0


Pelbagai pandangan tentang inisiatif ini dinyatakan oleh responden dan sebahagian daripada mereka menekankan bahawa pihak kerajaan banyak terlibat dalam

pelaksanaan inisiatif tersebut dan jumlah mereka ialah 40.2% atau 482 pelajar, 13.8% atau 166 pelajar lagi menyatakan pihak lain, 10.0% atau 120 pelajar menyatakan pihak swasta dan bilangan selebihnya menyatakan pihak universiti sebanyak 2.4% atau 29 pelajar. Walau bagaimanapun, masih ramai responden yang tidak pasti dengan jawapannya dan jumlah mereka ialah 33.6% atau 403 pelajar. Jadual 4.29 atau Rajah 4.23 di bawah memperlihatkan data yang dikumpulkan.

Jadual 4.29: Pihak Terlibat Dalam Pelaksanaan *MSC*.

Pihak Yang Terlibat Dalam Pelaksanaan <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
Sektor Kerajaan	482	40.2
Sektor Swasta	120	10.0
Universiti	29	2.4
Lain-lain	166	13.8
Tidak Pasti	403	33.6
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.23: Pihak Terlibat Dalam Pelaksanaan *MSC*.




ii. *Polisi MSC*

Kajian untuk melihat keprihatinan pelajar IPTA ini harus juga melihat pengetahuan mereka terhadap polisi kerajaan di samping inisiatif yang diusahakan. Data dalam jadual di bawah menerangkan bahawa 81.4% atau 977 pelajar mengetahui kerajaan mempunyai satu atau lebih Laman Web rasmi manakala 17.5% atau 210 pelajar tidak mengetahuinya dan beberapa pelajar lagi tidak pasti dengan jawapan mereka.

Jadual 4.30: Laman Web Kerajaan.

Laman Web Kerajaan	Jumlah Responden	Peratus(%)
Ya	977	81.4
Tidak	210	17.5
Tidak Pasti	13	1.1
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.24: Laman Web Kerajaan.




Begitu juga dengan polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan di Laman Web ini, majoriti responden sejumlah 71.3% atau 855 pelajar prihatin dengan polisi yang dilaksanakan bagi menyediakan kepelbagaiannya pendapat dan sumber maklumat. Walau bagaimanapun, terdapat segolongan daripada responden iaitu 14.4% atau 173 pelajar tidak mengetahui tentang polisi ini dan 14.3% atau 172 pelajar lagi langsung tidak pasti dengan jawapan mereka. Data dijelaskan seperti jadual dan rajah yang berikut.

Jadual 4.31: Polisi Laman Web Kerajaan.

Polisi Laman Web Kerajaan	Jumlah Responden	Peratus (%)
Ya	855	71.3
Tidak	173	14.4
Tidak Pasti	172	14.3
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.25: Polisi Laman Web Kerajaan.



Berpegang kepada konsep *ICT* dalam dunia global ini, kerajaan berharap agar penggunaan *ICT* dapat disebarluaskan kepada semua masyarakat di seluruh negara. Dengan itu, kerajaan telah memperlihatkan usaha mereka ke arah mempelbagaikan kegiatan supaya hasilnya dapat dimanfaatkan. Jadual 4.32 di bawah menunjukkan 58.4% atau 701 pelajar bersetuju kerajaan memperlihatkan komitmen mereka di dalam usaha celik *IT* dan bersetuju kerajaan *mempunyai polisi tetapi hanya sebahagian sahaja dilaksanakan*. 15.4% atau 185 pelajar lagi menyatakan kerajaan *mempunyai polisi tetapi hanya baru hendak dilaksanakan*. Manakala sejumlah 12.5% atau 150 pelajar juga menyatakan *ada polisi tetapi masih dalam perbincangan*. Sejumlah 6.8% atau 81 pelajar lagi menyatakan *polisi ada dan telah dilaksanakan sepenuhnya*. Data yang ditunjuk di bawah menerangkan kenyataan ini.

Jadual 4.32: Polisi Celik *IT*.

Usaha Celik <i>IT</i>	Jumlah Responden	Peratus(%)
Tiada polisi langsung	54	4.5
Ada tetapi masih dalam perbincangan	150	12.5
Ada dan baru hendak dilaksanakan	185	15.4
Ada tetapi sebahagian yang dilaksanakan	701	58.4
Ada dan telah dilaksanakan sepenuhnya	81	6.8
Lain-lain	8	0.8
Tidak pasti	21	1.8
Jumlah	1200	100.0

Untuk memastikan lebih ramai masyarakat mendapat maklumat tentang k-economii, kerajaan telah bergiat mengadakan pelbagai usaha khususnya mensubsidikan pembelian komputer termasuk pengecualian cukai. Sejumlah 38.3% atau 459 pelajar bersetuju agar pembelian komputer disubsidikan oleh kerajaan. Manakala 28.0% atau 336 pelajar lagi menyokong kerajaan mensubsidikan perkhidmatan asas internet dan 19.8% atau 237 pelajar menyahut seruan kerajaan memasang Kios Awam. Responden

lain memberikan pandangan tentang cadangan yang lain dan beberapa responden lagi tidak pasti dengan jawapan seperti data dalam Jadual 4.33.

Jadual 4.33: Maklumat K-Ekonomi.

K-Ekonomi	Jumlah Responden	Peratus (%)
Pemasangan Kios Awam	237	19.8
Kerajaan mensubsidi perkhidmatan asas internet	336	28.0
Kerajaan mensubsidi pembelian komputer (termasuk pengecualian cukai)	459	38.3
Lain-lain	152	12.6
Tidak pasti	16	1.3
Jumlah	1200	100.0

iii. Penggunaan Kad Pintar

Menyedari hakikat untuk membangunkan masyarakat dalam dunia teknologi maklumat, kerajaan turut melaksanakan penggunaan Kad Pintar (*Smart Card*) dalam semua urusan transaksi seperti penggunaan kad matriks pelajar untuk masuk ke perpustakaan, kad ATM, e-tunai, e-debit dan sebagainya. Semua aplikasi ini memerlukan medium ‘online’ untuk berurusan. Oleh itu, sejumlah 75.4% atau 905 pelajar bersetuju dengan penggunaan Kad Pintar manakala 23.5% atau 282 pelajar masih tidak bersetuju dan 1.1% atau 13 pelajar lagi tidak pasti dengan kemudahan penggunaan kad ini.


Walaupun jumlah peratus tinggi dalam penggunaan kad ini namun responden masih tidak mengetahui di manakah kad ini sering digunakan dalam perkhidmatan awam. Jumlah peratus yang tinggi menunjukkan responden tidak pasti perkhidmatan mana yang menggunakan kad ini. Jumlah mereka ialah 37.5% atau 450 pelajar dan 21.5% atau 258 pelajar lain menyatakan perkhidmatan awam sering menggunakan kad ini. Jumlah 24.6% atau 295 pelajar lagi bersetuju kad ini diguna di tempat lain dan 8.3% atau 99 pelajar menyatakan kad digunakan dalam sektor pendidikan. Data dalam

Jadual 4.34 atau Rajah 4.26(a) dan Rajah 4.26(b) di bawah menunjukkan keterangan tentang penggunaan Kad Pintar.

Jadual 4.34: Penggunaan Kad Pintar.


Teknologi Kad Pintar	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Penggunaan Kad Pintar		
Ya	905	75.4
Tidak	282	23.5
Tidak Pasti	13	1.1
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.26(a): Penggunaan Kad Pintar.



Teknologi Kad Pintar	Jumlah Responden	Peratus (%)
b. Jika Ya, Di mana		
Perkhidmatan Awam	258	21.5
Pendidikan	99	8.3
Kesihatan	31	2.6
Pengangkutan	19	1.6
Perbankan	48	4.0
Lain-lain	295	24.6
Tidak Pasti	450	37.5
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.26(b): Lokasi Penggunaan Kad Pintar.



Dalam melaksanakan polisi celik *IT* ini kerajaan perlu melipatgandakan usaha ke arah pembangunan aplikasi multimedia secara berkesan. Sebarang kekurangan atau

terdapat faktor penghalang kepada perkembangan akan melemahkan kemajuan dalam pembangunan teknologi maklumat. Secara keseluruhan, Jadual 4.35 di bawah menunjukkan sejumlah 30.8% atau 371 pelajar menyatakan *ada penghalang yang lain* terhadap perkembangan penguasaan ‘on-line’ dan 26.8% atau 321 pelajar menyatakan penghalangnya ialah *tahap celik IT yang rendah* merupakan faktor melemahkan perkembangan teknologi ini. Manakala 14.1% atau 169 pelajar menekankan *kekurangan infrastruktur* menjadi penghalang kepada perkembangan penguasaan ‘on-line’ dan 10.0% atau 120 pelajar bersetuju bahawa *tahap kesedaran yang rendah di peringkat polisi* turut melemahkan perkembangan ini. Kesemua ini memerlukan usaha kerajaan yang gigih dan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan pembangunan dalam penggunaan teknologi maklumat.

Jadual 4.35: Penghalang Perkembangan ‘on-line’.

Penghalang Perkembangan ‘on-line’	Jumlah Responden	Peratus (%)
Kekurangan Infrastruktur	169	14.1
Kekurangan Sumber	99	8.3
Tahap Celik IT yang Rendah	321	26.8
Tahap Kesedaran Rendah di Peringkat Polisi	120	10.0
Kurangnya Insentif Awam	59	4.9
Kurangnya Penggunaan Internet	31	2.6
Lain-lain	371	30.8
Tidak Pasti	30	2.5
Jumlah	1200	100.0

4.4.4 Maklumat Umum

i. Pengetahuan Tentang Media dan Penggunaannya

Bahagian ini membincangkan beberapa soalan yang berkait dengan saluran media yang menyampaikan maklumat kepada responden melalui pembacaan, tontonan, penggunaan komputer dan pengetahuan tentang MSC. Maklumat ini akan membantu pengkaji membuat kesimpulan tentang keprihatinan pelajar terhadap pelaksanaan aplikasi

multimedia dan melihat bentuk media yang berperanan dalam menyebarkan maklumat ini kepada responden.


a. *Bahan Bacaan dan Menonton Berita*

Bahan bacaan yang difokuskan dalam kajian ini ialah surat khabar, buku, majalah, komik, novel dan sebagainya. Data dalam Jadual 4.36 atau Rajah 4.27 di bawah menunjukkan 40.5% atau 486 pelajar membaca bahan lain selain bahan yang disebutkan di atas. 36.0% atau 432 pelajar lagi membaca surat khabar, 9.5% atau 114 pelajar menyatakan mereka membaca buku bagi mendapatkan maklumat dan yang lain 9.2% atau 110 pelajar membaca majalah dan 3.1% atau 37 pelajar membaca komik.

Jadual 4.36: Bahan Bacaan.

Bahan Bacaan	Jumlah Responden	Peratus (%)
Surat khabar	432	36.0
Buku (Akademik & Umum)	114	9.5
Majalah	110	9.2
Komik	37	3.1
Novel	21	1.8
Lain-lain	486	40.5
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.27: Bahan Bacaan.



Dari segi kekerapan membaca, responden juga menunjukkan tabiat mereka yang kerap dan rajin membaca untuk mendapatkan maklumat dan mengikuti perkembangan berita setiap hari. Sejumlah 42.5% atau 510 pelajar membaca dua hingga tiga kali seminggu manakala 41.9% atau 503 pelajar menyatakan mereka membaca setiap hari dan 10.1% atau 121 pelajar jarang-jarang membaca. Rajah 4.37 di bawah menunjukkan data yang berkenaan.

Jadual 4.37: Kekerapan Membaca.

Kekerapan Membaca	Jumlah Responden	Peratus(%)
Tiap-tiap Hari	503	41.9
2-3 Kali Seminggu	510	42.5
Sekali Seminggu	59	4.9
Jarang-jarang	121	10.1
Tidak Langsung	7	0.6
Jumlah	1200	100.0

Responden juga diuji dengan kekerapan menonton berita di televisyen dan Jadual 4.38 di bawah menunjukkan 36.2% atau 434 pelajar menonton dua hingga tiga kali seminggu, 29.5% atau 354 pelajar menonton setiap hari dan 25.8% atau 310 pelajar jarang-jarang menonton. Data dijelaskan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.38: Kekerapan Menonton.

Kekerapan Menonton	Jumlah Responden	Peratus (%)
Tiap-tiap Hari	354	29.5
2-3 Kali Seminggu	434	36.2
Sekali Seminggu	84	7.0
Jarang-jarang	310	25.8
Tidak Langsung	18	1.5
Jumlah	1200	100.0

b. *Penggunaan Komputer*

Penggunaan komputer di kalangan pelajar merupakan satu perkara yang perlu dalam era Masyarakat Bermaklumat. Walaupun begitu, tidak semua pelajar mendapat kemudahan ini secara sepenuhnya kerana kelengkapan peralatan di setiap fakulti untuk semua universiti mungkin tidak mencukupi untuk menampung jumlah pelajar yang agak ramai. Peralatan ini hanya diletakkan di bilik makmal untuk diguna oleh semua pelajar. Setiap pelajar harus pandai menggunakan masa untuk menggunakan komputer di bilik makmal ini secara bergilir-gilir.

Pelajar yang mempunyai komputer peribadi dan tinggal dengan keluarga tidak menghadapi masalah untuk menggunakan komputer. Mereka boleh membuat tugas secara sepenuh masa berbanding pelajar yang tinggal di asrama dan tidak mempunyai komputer peribadi. Pelajar ini akan menghadapi kesukaran untuk menyiapkan tugas walaupun untuk mengakses bahan mereka boleh ke Kafe Siber.

Berdasarkan Jadual 4.39 di bawah, data menunjukkan 79.2% atau 950 pelajar mempunyai komputer peribadi manakala 20.8% atau 250 pelajar tidak memiliki

sebarang komputer. Secara keseluruhannya, didapati hampir seluruh iaitu 99.2% atau 1190 pelajar menggunakan komputer dan hanya 0.8% atau 10 pelajar sahaja yang menyatakan tidak menggunakan komputer. Kebanyakan pelajar menyatakan bahawa mereka menggunakan komputer ini di rumah. Jumlah mereka yang berbuat demikian ialah 37.8% atau 454 pelajar. Manakala 21.0% atau 252 pelajar lagi menggunakan komputer di tempat lain. 5.8% atau 69 pelajar menyatakan mereka menggunakan komputer di bilik makmal dan 4.7% atau 57 pelajar menggunakanya di Kafe Siber.

Hampir 29.3% atau 351 pelajar menyatakan mereka menggunakan komputer untuk membuat tugas tetapi segolongan daripada mereka lagi iaitu 8.7% atau 104 pelajar menyatakan mereka gemar melayari internet dan 15.3% atau 184 pelajar menyatakan lain-lain seperti data yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 4.39: Penggunaan Teknologi Komputer.

Teknologi Komputer	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Mempunyai Komputer Peribadi		
Ya	950	79.2
Tidak	250	20.8
Jumlah	1200	100.0
b. Penggunaan Komputer		
Ya	1190	99.2
Tidak	10	0.8
Jumlah	1200	100.0
c. Jika Ya, di Mana		
Rumah	454	37.8
Pejabat	14	1.2
Kafe Siber	57	4.7
Makmal Komputer	69	5.8
Lain-lain	252	21.0
Tidak Menjawab	354	29.5
Jumlah	1200	100.0
d. Tujuan		
Membuat Tugasan	351	29.3
Melayari Internet	104	8.7
E-mel	18	1.5
Perniagaan	4	0.3
Lain-lain	184	15.3
Tidak Menjawab	539	44.9
Jumlah	1200	100.0

ii. *Pengetahuan Tentang MSC dan Projek Pelaksanaannya*

Untuk melihat objektif kajian tercapai, maka data yang berkait dengan pengetahuan responden tentang *MSC* turut dikumpulkan. Berdasarkan Jadual 4.40 di bawah, didapati bahawa 82.7% atau 992 pelajar mengetahui tentang projek *MSC* dan 66.3% atau 796 pelajar lagi menjawap secara betul tentang kedudukannya. Segolongan pelajar lain sejumlah 65.4% atau 785 pelajar turut mengetahui tentang tujuan kerajaan menuju *MSC*.

Begitu juga dengan projek *MSC* yang mereka ketahui, hanya sebahagian kecil daripada jumlah responden sebanyak 5.1% atau 61 pelajar sahaja yang mengetahui tentang Sekolah Bestari, 4.7% atau 57 pelajar lagi sedar tentang penggunaan MyKad dan 13.3% atau 159 pelajar mengetahui tentang Multimedia Kreatif. Responden lain tanpa kenyataan ialah 74.4% atau 893 pelajar dan yang lain mempunyai fahaman yang kurang tentang projek *MSC* seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 4.40: Pengetahuan Responden Tentang *MSC*.

Pengetahuan Tentang <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Pengetahuan Umum tentang <i>MSC</i>		
Tentang projek <i>MSC</i>	992 / 1200	82.7
Lokasi/Kedudukan <i>MSC</i>	796 / 1200	66.3
Tujuan Kerajaan Persekutuan menuju <i>MSC</i>	785 / 1200	65.4
Jenis syarikat bertapak di <i>MSC</i>	254 / 1200	21.2
b. Projek <i>MSC</i> yang Diketahui		
Sekolah Bestari	61	5.1
E-Kerajaan	7	0.6
E-Perniagaan	9	0.8
MyKad	57	4.7
'Outsourcing'	4	0.3
Telekesihatan	4	0.3
Penyelidikan & Pembangunan	6	0.5
Multimedia Kreatif	159	13.3
Tanpa Kenyataan	893	74.4
Jumlah	1200	100.0

iii. Kenyataan Tentang MSC

Berdasarkan maklumat umum yang diberikan oleh *MSC* terhadap sumbangan mereka, ternyata kebanyakan responden menjawab setuju, kurang setuju dan sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan berkait dengan *MSC*. Kenyataan yang menyatakan *MSC meninggikan status dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengetahuan*, menunjukkan 45.2% atau 542 pelajar menjawab setuju dengan kenyataan ini, 31.8% atau 381 pelajar menjawab kurang setuju dan 13.2% atau 158 pelajar menyatakan sangat setuju.

Untuk kenyataan *MSC membuka dunia baru kepada saya* menunjukkan sejumlah 48.7% atau 584 pelajar bersetuju dengan kenyataan ini manakala 27.8% atau 334 pelajar lagi kurang bersetuju dan 13.2% atau 158 pelajar yang lain sangat setuju. Sebahagian daripada responden yang sama turut bersetuju dengan kenyataan *MSC membuat diri saya rasa bebas*. Jumlah mereka ini ialah 31.7% atau 380 pelajar, namun 47.3% atau 567 pelajar lagi kurang bersetuju dengan kenyataan ini dan 10.1% atau 121 pelajar langsung tidak bersetuju.

Begitu juga dengan kenyataan *MSC membuat manusia kurang bergaul* mencatatkan 37.5% atau 450 pelajar yang kurang setuju dan 21.7% atau 260 pelajar bersetuju bahawa golongan ini kurang bergaul dengan individu lain. Akhir sekali, kenyataan yang menyatakan *MSC merupakan satu perkara yang baik untuk masyarakat* mencatatkan jumlah peratus yang tertinggi untuk jawapan setuju iaitu 53.4% atau 641 pelajar menyatakan jawapan tersebut dan 27.5% atau 330 pelajar lain sebalut hati menjawap sangat setuju dengan kenyataan ini. Data yang jelas ditunjukkan dalam Jadual 4.41 di bawah.

Jadual 4.41: Sumbangan *MSC*.

Sumbangan <i>MSC</i>	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Kurang Setuju (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Peratus (%)
							Jumlah
a. <i>MSC</i> meninggikan status dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengalaman.	3.0 (36)	6.8 (82)	31.8 (381)	45.2 (542)	13.2 (158)	0.1 (1)	100.0 1200
b. <i>MSC</i> membuka dunia baru kepada saya.	2.7 (32)	7.6 (91)	27.8 (334)	48.7 (584)	13.2 (158)	0.1 (1)	100.0 1200
c. <i>MSC</i> membuat diri saya rasa bebas.	4.3 (52)	10.1 (121)	47.3 (567)	31.7 (380)	6.3 (75)	0.4 (5)	100.0 1200
d. <i>MSC</i> membuat manusia kurang bergaul.	12.8 (154)	19.8 (237)	37.5 (450)	21.7 (260)	8.2 (98)	0.1 (1)	100.0 1200
e. <i>MSC</i> merupakan satu perkara yang baik untuk masyarakat.	3.8 (46)	4.2 (50)	10.9 (131)	53.4 (641)	27.5 (330)	0.2 (2)	100.0 1200

iv. *Cadangan Tingkatkan Pengetahuan*

Di samping soalan tertutup yang diajukan kepada responden, satu soalan terbuka turut dibina bagi tujuan mendapatkan pandangan responden secara keseluruhan. Soalan meminta cadangan responden bagaimana untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakat tentang *MSC*. Hampir 19.8% atau 238 pelajar memberi pandangan bahawa promosi, iklan dan penyebaran risalah tentang maklumat *MSC* harus diperbanyakkan dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan masyarakat manakala 16.3% atau 195 pelajar bersetuju dengan cadangan lain dan 10.4% atau 125 pelajar lagi menyatakan kempen, ceramah dan seminar juga turut membantu usaha ini. Hanya segelintir responden sebanyak 8.2% atau 98 pelajar bersetuju bahawa kemudahan infrastruktur akan

membantu masyarakat di kawasan pedalaman mengetahui tentang *MSC*. Data dalam Jadual 4.42 atau Rajah 4.28 di bawah menunjukkan peratusan cadangan yang diberikan.

Jadual 4.42: Cadangan Pengetahuan Masyarakat Tentang *MSC*.

Cadangan Mempertingkatkan Pengetahuan Tentang <i>MSC</i>	Jumlah Responden	Peratus (%)
a. Kempen/Ceramah/Seminar	125	10.4
b. Promosi/Iklan/Risalah/Maklumat	238	19.8
c. Kemudahan Infrastruktur	98	8.2
d. Aktiviti dan Program <i>MSC</i>	35	3.0
e. Lain-lain	195	16.3
f. Tidak Pasti	509	42.4
Jumlah	1200	100.0

Rajah 4.28: Cadangan Pengetahuan Masyarakat Tentang *MSC*.

